

Kerajaan tak benarkan kenaikan tarif elektrik jejaskan rakyat

Kadar hanya babit golongan maha kaya, industri catat untung luar biasa

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Mahanum Abdul Aziz dan Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi: Kerajaan tidak akan membenarkan kenaikan tarif elektrik yang boleh menjejaskan rakyat, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, kenaikan kadar itu tidak seharusnya diletakkan kepada majoriti rakyat, sebaliknya kepada golongan maha kaya atau industri yang mencatatkan keuntungan luar biasa.

"Menegenai pengumuman Tenaga Nasional Berhad (TNB) berhubung kenaikan elektrik, saya sudah hubungi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, menteri yang bertanggungjawab untuk minta TNB memberi penjelasan.

"Kita tidak benarkan kenaikan elektrik yang menjejaskan orang ramai. Kenaikan seperti yang dahulu itu hanya membabitkan golongan atasan yang saya sebut maha kaya ataupun industri yang mencatat keuntungan," ka-

tanya kepada pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Hana Langkawi, Kedah, semalam.

Beliau mengulas laporan media mengenai kemungkinan tarif elektrik yang disalurkan oleh TNB akan mengalami kenaikan harga bermula Julai tahun depan.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kerajaan memahami dengan peningkatan kos yang terpaksa ditanggung TNB, namun ia tidak sepatutnya menjejaskan kedudukan majoriti rakyat.

"Saya faham keperluan naik, tapi kenaikan tidak boleh membabitkan atau (meletakkan) kedudukan kos kepada majoriti rakyat," katanya.

Dasar semasa kekal

Sementara itu di Kuala Lumpur, Ketua Pegawai Kewangan (Divisyen Kewangan Kumpulan) Tenaga Nasional Bhd (TNB), Datuk Nazmi Othman, berkata dasar semasa kekal dengan 85 peratus pengguna domestik dilindungi daripada sebarang perubahan tarif elektrik.

Beliau mengesahkan yang kerajaan belum memutuskan lagi kadar tarif elektrik baharu yang bakal dilaksanakan mulai Julai 2025 di bawah pelaksanaan Tempoh Kawal Selia 4 (RP4).

Justeru, katanya, jadual tarif elektrik semasa yang dilaksanakan sejak 2014, akan terus berkuat kuasa, tanpa perubahan dalam kadar tarif dan struktur tarif



Anwar bersama orang ramai sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Hana Langkawi, Kedah, semalam.

elektrik sehingga 30 Jun 2025.

"Pada masa ini, kerajaan dalam proses kajian semula untuk memuktamadkan jadual tarif baharu. Kerajaan mempunyai masa mencukupi untuk memutuskan jadual tarif baharu itu.

"Dasar semasa kekal dengan 85 peratus pengguna domestik masih kekal dilindungi daripada sebarang perubahan tarif elektrik," katanya pada taklimat media mengenai pelaksanaan RP4.

Mengulas lanjut, Nazmi menjelaskan, TNB pada Khamis hanya memaklumkan kepada Bursa Malaysia bahawa kerajaan telah meluluskan pelaksanaan RP4 di bawah rangka kerja Peraturan Berasaskan Insentif (IBR) bagi

tempoh Januari 2025 hingga Disember 2027.

Beliau berkata, keputusan itu dimaklumkan melalui surat daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) kepada TNB bertarikh 24 Disember 2024.

Jelasnya, makluman di Bursa Malaysia itu adalah bagi memenuhi keperluan mandatori berikutan kelulusan kerajaan melaksanakan RP4.

Nazmi berkata, di bawah RP4, perbelanjaan modal yang dibenarkan ialah RM42.821 bilion, terdiri daripada perbelanjaan modal asas sebanyak RM26.554 bilion dan perbelanjaan modal luar jangka RM16.267 bilion.

Beliau berkata, perbelanjaan

operasi yang dibenarkan ialah sebanyak RM20.782 bilion, yang menyokong perancangan dan pelaksanaan aktiviti operasi serta penyelenggaraan yang diperlukan untuk semua infrastruktur elektrik TNB.

Katanya, kadar pulangan kawal selia dikekalkan pada 7.3 peratus seperti di bawah RP3.

Pada 20 Disember 2024, kerajaan memutuskan tiada kenaikan tarif elektrik kepada semua pengguna di Semenanjung menerusi pelaksanaan kadar pelepasan kos tidak seimbang (ICPT) bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun tahun depan.

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dalam kenyataannya, berkata keputusan yang dibuat pada 13 Disember lalu adalah komitmen kerajaan bagi menjamin kesejahteraan rakyat dengan memastikan pengguna domestik terus dilindungi menerusi pelaksanaan subsidi secara bersasar.

"Secara keseluruhannya, jumlah subsidi elektrik bagi tempoh Januari hingga Jun 2025 yang akan dibiayai oleh kerajaan kali ini sebanyak RM2.388 bilion.

"PETRA percaya bahawa pelaksanaan subsidi elektrik secara bersasar adalah pendekatan terbaik pada masa ini supaya mengurangkan komitmen subsidi kerajaan agar peruntukan tersebut dapat disalurkan dalam bentuk bantuan lain kepada rakyat," menurut kementerian berkenaan